

07/09/1998

Pemuda Umno Kelantan minta Zahid berundur

KOTA BHARU, Ahad - Pemuda Umno Kelantan meminta Ketua Pergerakan Pemuda Umno, Datuk Ahmad Zahid Hamidi mengundurkan diri secara terhormat, berikutan kegagalannya menunjukkan komitmen dan sokongan padu terhadap pucuk pimpinan dan Presiden parti, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menangani isu pelucutan jawatan Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Keputusan itu dibuat pada mesyuarat khas yang turut dihadiri sembilan Ketua Pemuda Umno bahagian iaitu Machang, Peringat, Gua Musang, Tanah Merah, Pengkalan Chepa, Kuala Krai, Jeli, Tumpat dan Rantau Panjang yang diadakan di Kuala Lumpur, malam tadi.

Tindakan itu diambil berikutan Pemuda Umno Kelantan tidak puas hati dan mempertikaikan kewibawaan sikap Ahmad Zahid yang berdiam diri tanpa menunjukkan komitmen jelas untuk memberi sokongan kepada pucuk pimpinan parti menyelesaikan isu berkenaan.

Jurucakap Pemuda Umno Kelantan yang juga Penolong Setiausaha Pergerakan Pemuda Umno negeri, Ahmad Jazlan Yaacob berkata, sikap berdiam diri Ahmad Zahid boleh menimbulkan kekeliruan nyata di kalangan ahli Pemuda peringkat akar umbi, terutama di Kelantan yang berhadapan dengan Pas.

Menurutnya, Pas sentiasa menunggu sesuatu isu yang boleh dijadikan modal politik untuk mereka berkempen bagi mempengaruhi pemikiran rakyat termasuk mengambil kesempatan isu pelucutan jawatan Anwar.

Katanya, bagi Pemuda Umno Kelantan perkara itu amat serius dan sewajarnya pucuk pimpinan pergerakan itu menyatakan sokongan tidak berbelah bagi kepada Presiden parti kerana Pemuda selama ini disifatkan sebagai sayap kanan Umno.

"Adalah perlu bagi Pergerakan Pemuda Umno pimpinan Ahmad Zahid bersama barisan Exconya membuat ketetapan dan pendirian terbuka serta jelas menyokong penuh pucuk pimpinan dan Presiden parti untuk menyelesaikan isu itu.

"Sekiranya Ahmad Zahid tidak mampu memikul tanggungjawab itu, adalah dinasihatkan supaya beliau secara terhormat mengundurkan diri daripada jawatan Ketua Pergerakan Pemuda Umno demi kebaikan dan perpaduan Pemuda dengan pucuk pimpinan parti," katanya dalam satu kenyataan, di sini hari ini.

(END)